

Tubuh badan khas pantau keselamatan pengangkutan awam

Baru-baru ini, pengguna Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya digemparkan dengan dua insiden kerosakan brek membabitkan dua tren sehingga menyebabkan kemunculan asap dalam kedua-dua tren berkenaan serta kebakaran terbabat satu daripada tren terbabit.

Pihak pengurusan pengangkutan awam berkenaan dengan kerjasama pasukan Bomba dan Penyelamat berjaya mengawal keadaan. Bagaimanapun, kejadian yang berlaku tidak boleh dipandang ringan kerana ia membbatkan aspek keselamatan penumpang.

Kejadian jadikan iktibar

Pihak berkaitan terutama pengendali pengangkutan awam terbabit perlu menjadikan kejadian itu iktibar supaya mereka memberi tumpuan lebih terhadap aspek keselamatan perkhidmatan ditawarkan.

Ia tidak hanya membabitkan LRT sahaja, sebaliknya semua je-

nis pengangkutan awam yang ada di negara ini perlu memberi tumpuan yang lebih terhadap aspek keselamatan supaya tiada kejadian tidak diingini berlaku dalam negara kita.

Langkah segera yang ingin diambil pihak pengendali LRT terbabit dengan memasang brek baharu pada tren empat gerabak berkenaan perlu dipuji, tetapi keyakinan orang ramai perlu diperkukuhkan lagi.

Justeru, semua pihak yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan awam perlu menyediakan ruang khas yang memaparkan poster atau iklan lebih jelas kepada pengguna mengenai langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku sesuatu kecemasan atau perkara tidak diingini ketika menggunakan perkhidmatan awam.

Kerajaan juga boleh mempertimbang mewujudkan badan khas yang boleh memantau aspek penyelenggaraan serta tahap kualiti keselamatan semua pengangkutan awam di negara ini.



Kualiti khidmat pengangkutan awam perlu dipantau bagi memberikan keselesaan kepada pengguna.

[GAMBAR HIASAN]

Pengguna patuhi peraturan, undang-undang

Dengan adanya badan khas, semua jenis pengangkutan awam yang ada dapat dipantau dengan lebih berkesan. Pengguna pengangkutan awam juga boleh memainkan peranan dengan mematuhi segala peraturan serta undang-undang sedia ada ketika menggunakan pengangkutan awam terbabit.

Melalui kerjasama semua pihak, aspek keselamatan ketika menggunakan pengangkutan awam dapat dijamin. Perkara membabitkan aspek keselamatan tidak boleh dipandang ringan

oleh mana-mana pihak.

Semua pihak perlu memberi keutamaan terhadap aspek keselamatan termasuk pihak yang mengendalikan pengangkutan awam. Perkhidmatan awam yang selamat serta lebih berkualiti sudah pasti dapat menarik minat orang ramai untuk menggunakannya.

Ini juga selaras hasrat murni kerajaan menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia